

**SOALAN-SOALAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA TAHUN KEDUA**  
**DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

**PADA HARI RABU, 28 FEBRUARI 2024**

---

**1. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN ( KAMPONG GAJAH )**

Ada atau tidak suatu perancangan pembangunan di sepanjang WCE Teluk Intan - Lekir oleh pihak kerajaan?

**2. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

- a) Apakah inisiatif yang akan diambil oleh kerajaan negeri selaras dengan DASN ini?
- b) Apakah cadangan kerajaan negeri untuk mengalakkan sektor swasta melibatkan diri dalam usaha mencapai tujuan DASN?

**3. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA ( GUNONG SEMANGGOL )**

Usaha Menoktahkan Golongan Miskin Tegar/Miskin di negeri Perak.

- a) Berapakah jumlah terkini mengikut daerah dan kaum bagi golongan miskin tegar dan miskin di negeri Perak berdasarkan kepada ukuran paras garis makanan (PGK) terkini di negeri Perak?
- b) Apakah perancangan serta pelan tindakan pihak kerajaan melalui GLC atau agensi untuk menyediakan peluang seperti kerjaya, keusahawanan, pendidikan dan kebajikan yang dapat diberikan khususnya kepada golongan miskin tegar dan B40 hasil daripada keuntungan syarikat bagi manfaat rakyat negeri Perak sebagai pemangkin sosioekonomi yang menyeluruh?
- c) Daripada usaha tersebut, apakah hasil yang telah atau akan diperoleh dan berjaya dilaksanakan dalam usaha bagi mengeluarkan serta menoktahkan golongan miskin tegar dan miskin di negeri Perak?

**4. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)**

Mohon Kerajaan Negeri melibatkan penyertaan secara serius khususnya memajukan Batu Kurau sebagai pusat pengeluaran durian.

## **5. YB ENCIK ONG SENG GUAN ( POKOK ASSAM )**

Masalah banjir kilat dan kelemahan penyelenggaraan sistem perparitan merupakan antara isu yang harus diberikan perhatian demi kesejahteraan rakyat.

- a) Berapa kes banjir yang dilaporkan pada tahun 2023 khususnya di daerah Larut Matang dan Selama?
- b) Dari kes-kes yang dilaporkan, lokasi yang dilaporkan berlaku banjir adalah lokasi hotspot atau lokasi yang baru?
- c) Apa perancangan awal kerajaan negeri tahun ini untuk mengatasi masalah banjir di lokasi tersebut?

## **6. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN ( LUBOK MERBAU )**

Saya kerap menerima rungutan daripada rakyat awam berkaitan kekurangan rawatan pakar di Hospital Kuala Kangsar. kadang-kala pembedahan kecil seperti bisul, bersalin dan seumpamanya pun terpaksa dihantar ke Hospital Taiping. Soalan saya, Apa perancangan pihak kerajaan dalam menaiktaraf perkhidmatan rawatan pakar di Hospital Kuala Kangsar supaya sesuai dengan status Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja?

## **7. YB ENCIK TIW TEE SIANG ( TRONOH )**

Berapakah sasaran pelaburan yang ditetapkan oleh MIDA dalam sektor pembuatan di negeri Perak bandingkan negeri-negeri lain bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2021 ke 2030? Adakah sasaran ini seiring dengan Pelan Perindustrian Perak dan Pelan Perak Sejahtera 2030?

## **8. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Memandangkan kebanyakan tapak pelupusan sisa pepejal akan tamat tempoh untuk digunakan, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menandatangan isu tersebut supaya sisa pepejal, sampah dapat diurus dengan baik pada masa yang akan datang?

## **9. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Biasiswa Kerajaan Negeri.

- a) Berapakah jumlah pelajar ke IPTA dan IPTS yang menerima Biasiswa Kerajaan Negeri di dalam tahun 2021 hingga 2023?
- b) Berapakah nilai Biasiswa Kerajaan Negeri yang dibelanjakan dalam tempoh tersebut?

**10. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA ( PANGKOR )**

Masalah talian telefon bimbit di sesetengah kawasan di Pulau Pangkor masih menjadi satu isu yang tidak berkesudahan walaupun telah masuk tahun 2024. Apakah jalan penyelesaian terhadap masalah ini?

**11. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL ( SLIM )**

APAKAH LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH PIHAK KERAJAAN BAGI MENANGANI ISU PENAGIH DADAH YANG SEMAKIN BERTAMBAH?

SOALAN TAMBAHAN

APAKAH PIHAK KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENUBUHKAN PUSAT PEMULIHAN DIBAWAH KERAJAAN NEGERI DI DAERAH YANG MEMPUNYAI RAMAI PENAGIH DADAH?

APAKAH CADANGAN PIHAK KERAJAAN BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM BERSEPADU MENANGANI PENGEDAR DAN PENAGIH DADAH?

**12. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH ( SELINSING )**

Apakah perkembangan rancangan membina kilang padi oleh kerajaan di jelapang padi daerah Kerian? Difahamkan rancangan ini pernah diusahakan dalam lima atau enam tahun yang lalu sehingga ke peringkat mencari tapak oleh Persatuan Peladang Negeri (PPN). Mohon diperjelaskan?

**13. YB ENCIK NOOR AZMAN BIN GHAZALI ( ALOR PONGSU )**

JALAN KIRI DAN KANAN BAN BESAR. BAGAN SERAI-BUKIT MERAH TELAH DIPERBESARKAN UNTUK KEMUDAHAN KENDERAAN SELISIH KIRI DAN KANAN, MANAKALA DI BAN BAGAN SERAI-BATU LIMA MASIH KECIL DAN KURANG PENYELENGGARAAN, BILA AKAN DIAMBIL TINDAKAN UNTUK PERBESARKAN JALAN TERSEBUT

**14. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

Masalah kemiskinan penduduk di Daerah Hulu Perak, khususnya dalam DUN Pengkalan Hulu.

- a) Adakah peratusan kadar kemiskinan penduduk di DUN ini berjaya dikawal atau dikurangkan berdasarkan pelan/program kerajaan sepanjang tahun 2023?
- b) Apakah tindakan intervensi yang telah dilakukan Kerajaan Negeri setelah mengenal pasti masalah kemiskinan tegar di sesebuah kawasan terutamanya dalam DUN Pengkalan Hulu?

## **15. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA ( RUNGKUP )**

Daerah Bagan Datuk dalam perancangan Perak Sejahtera 2030 telah dijenamakan sebagai "Agrolancong Dan Maritim Wilayah Perak Selatan" yang merencanakan empat (4) inisiatif utama iaitu:

- a) Program Pembangunan Agropelancongan yang menampilkan Coco Agrotourism berteraskan pendidikan penanaman kelapa serta penjualan produk berasaskan kelapa di Pusat Penyelidikan MARDI, Bagan Datuk
- b) Pengoperasian semula Terminal Feri Antarabangsa Hutan Melintang;
- c) Pengembangan potensi Bagan Datuk sebagai Hub Industri Perkapalan.
- d) Pembangunan International Fishery Industrial Park untuk memperkasa industri perikanan di Bagan Datuk.

Ke empat-empat inisiatif diatas merupakan perancangan di dalam kawasan DUN Hutan Melintang.

1. Apakah perancangan khas di bawah inisiatif lain di DUN Rungkup khususnya di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030 bagi mengimbangi Pembangunan Daerah Bagan Datuk yang secara amnya mempunyai dua kawasan Dewan Undangan Negeri?

## **16. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Tentang banjir kilat di Jalan Kuala Kangsar Ipoh.

- i. Sila jelaskan apakah punca utama kawasan di bahagian 422-470, Jalan Kuala Kangsar Taman Loke Lim, 30010 Ipoh, Perak mengalami banjir kilat?
- ii. Apakah perancangan pihak JKR dan MBI bagi mengatasi masalah ini?
- iii. Bilakah kerja mencegah banjir kilat akan dijalankan?

## **17. YB ENCIK AHMAD BIN MAN ( KUALA SEPETANG )**

ISU GELANGGANG FUTSAL DAN TAKRAW YANG SUDAH UZUR.

APAKAH PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI UNTUK MENAMBAH BAIK GELANGGANG FUTSAL DAN GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI KAWASAN KAMPUNG YANG TELAH UZUR UNTUK KEGUNAAN ANAK MUDA BERIADAH?

## **18. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN ( SELAMA )**

Seperti yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar didalam pertemuan bajet yang lepas, ada disebutkan peruntukan kotak makanan di bawah Yayasan Perak.

- a) Seperti yang dimaklumkan kotak makanan diagihkan kepada NGO yang ditentukan oleh pihak tertentu, bolehkan nyatakan kepada siapa kotak makanan ini disalurkan?

## **19. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN ( SUNGAI MANIK )**

Musim 2/2023 umpama mimpi ngeri buat pesawah di Mukim Labu Kubong, DUN Sungai Manik, sebahagian besar sawah tidak dapat dituai atau dituai sebahagian sahaja akibat tanaman padi mereka diserang penyakit hawar daun bakteria 'Bacterial Leaf Blight' (BLB). Rata-rata pesawah ini mengalami kerugian yang besar sehingga tidak mampu membayar hutang kepada AgroBank. Apakah perancangan Kerajaan bagi membantu petani-petani ini untuk menghadapi musim berikutnya?

## **20. YB ENCIK CHEAH POU HIAN ( JELAPANG )**

Aktiviti perlombongan nadir bumi secara haram di Perak semakin terdedah, yang mana orang ramai dan NGO telah membuat laporan mengenai aktiviti perlombongan haram tersebut. Justerunya, persoalan saya ialah:-

- a) Berapakah laporan aktiviti perlombongan haram diterima setakat ini sejak Julai 2018? Berapa orang penjenayah telah dikenalpasti dan disabitkan hukuman setimpal?
- b) Berkenaan dengan aktiviti perlombongan haram yang semakin meningkat, adakah kerajaan mempunyai langkah yang lebih efisien untuk membendung aktiviti-aktiviti perlombongan haram?

## **21. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI ( MANJOI )**

### **BERKAITAN BANJIR KILAT**

- (a) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap banjir kilat yang berlaku di Klebang Aman akibat struktur perparitan dan tanah komersial yang tidak diselenggara dengan sempurna?
- (b) Apakah usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah banjir kilat di Kampung Batu 9, Chemor yang disebabkan sistem perparitan dan pembentungan yang tidak sempurna?
- (c) Apakah langkah pihak kerajaan mengatasi banjir kilat di Kg. Seri Klebang yang berpunca daripada limpahan Sungai Klebang dan Sungai Pari yang berhampiran akibat perparitan yang tidak diselenggara dengan baik?

## **22. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

GANGGUAN BINATANG LIAR – MONYET DAN BABI HUTAN DI KAWASAN PERTANIAN DAN PENEMPATAN PENDUDUK HUTAN MELINTANG  
Kacau ganggu binatang liar terhadap kediaman penduduk dan kawasan pertanian menyebabkan ketidakselesaan dan sumber pendapatan masyarakat telah terjejas. Bagan Datuk merupakan kawasan penanaman kelapa terkemuka dalam negara. Namun, petani mula beralih kepada tanaman kelapa sawit berikutan gangguan dari binatang liar yang merosakkan tanaman kelapa. Para petani dan pekebun harus membina pagar di sekeliling kawasan bagi mengurangkan gangguan tersebut.

Ia melibatkan kos tambahan yang membebankan para petani dan pekebun. Sekiranya tiada penyelesaian yang tuntas diambil, Bagan Datuk tidak lagi akan dikenali sebagai pengeluar kelapa utama dalam negara dan akan menghilangkan identitinya.

Apakah tindakan yang telah dilaksanakan supaya gangguan haiwan-haiwan liar ini dapat dikawal bagi memastikan kesejahteraan dan ekonomi rakyat di kawasan kampung terjamin serta kelestarian tanaman kelapa di Bagan Datuk dapat dikekalkan?

**23. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ ( KAMUNTING )**

Sistem perparitan di Taman Bestari 1 dan 2 Kamunting sudah agak uzur dan tidak dapat menampung aliran air ketika hujan lebat dan sering berlaku banjir kilat.

1. Adakah pihak kerajaan merancang untuk membina semula sistem perparitan yang uzur ini?

**24. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD ( MANONG )**

Pembangunan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) adalah salah satu cara kerajaan memajukan dan membangunkan kawasan luar bandar dengan membina satu penempatan baharu secara berkelompok. Walaubagaimanapun banyak projek RPT tergендala kerana masalah kos infrastruktur yang tinggi.

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk membangunkan infrastruktur RPT menggunakan konsep PFI (Inisiatif Kewangan Swasta) supaya dapat lebih banyak RPT dibangunkan?
- b) Apakah status permohonan infrastruktur projek RPT Guar, Mukim Senggang, Kuala Kangsar? RPT ini telah mendapat kelulusan kerajaan pada 2011 dan dapat menyediakan 130 lot rumah.

**25. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN ( BEHRANG )**

Apakah perancangan sedia ada dan pelan masa hadapan yang telah disediakan bagi membangunkan sektor pelancongan di Dun Behrang?

**26. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMHRI ( KUALA KURAU )**

Adakah Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan yang saksama kepada semua 59 ADUN di Negeri Perak bagi memastikan tiada kawasan yang terpinggir dari arus Pembangunan?

**27. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

Pelan Bandar Pintar (*Smart City*)

- i) Sejauh manakah hasrat Pelan Bandar Pintar (*Smart City*) dilaksanakan di peringkat pentadbiran Negeri Perak?

- ii) Jelaskan cabaran dan halangan yang utama menjadikan Negeri Perak sebagai negeri pintar.
- iii) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Perak sebagai negeri pintar?

**28. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Pada tahun 2021 telah diluluskan bajet RM3 juta oleh ICU Perak bagi pembinaan Masjid Al Falah Permatang Raja di Dun Trong. Apakah perkembangan projek ini?

**29. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

Berapakah jumlah kuil hindu di dalam DUN Pasir Panjang yang diberi peruntukan untuk dibina atau dinaiktaraf oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2023? Berapakah jumlah RM dibelanjakan?

**30. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN ( KENERING )**

Adakah Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan pernah merancang untuk menghasilkan sendiri produk berdasarkan NREE bagi mengaut lebih banyak keuntungan hasil bumi di Negeri Perak ini, dengan mengambil tenaga profesional daripada dalam dan luar negara untuk menghasilkan produk kita sendiri. Seterusnya mencapai hasrat untuk menjadikan Perak maju pada 2030?